

28/02/1999

PM wakili Agong sampaikan bintang

KUALA TERENGGANU: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mewakili Yang di-Pertuan Agong menyampaikan anugerah bintang Darjah Utama Seri Mahkota Negara (DMN) kepada Sultan Terengganu, Sultan Mizan Zainal Abidin, di Istana Badariah, di sini, semalam.

Perdana Menteri dan isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali tiba di Lapangan Terbang Sultan Mahmud, Kuala Terengganu, kira-kira jam 11.50 pagi. Beliau disambut Menteri Besar, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad dan isteri, Toh Puan Aishatun Shuhaimi.

Dr Mahathir diiringi Wan Mokhtar terus ke Istana Badariah untuk menyampaikan anugerah kira-kira jam 12.25 tengah hari.

Sultan Mizan Zainal Abidin dan Permaisuri Nur Zahirah tiba di Istana itu kira-kira jam 12.35 tengah hari dan majlis penyampaian bintang itu selesai kira-kira jam 1.30 petang.

Beberapa Ahli Exco negeri, termasuk Tengku Putera Tengku Awang, Datuk Dr Abdul Latif Awang dan Wong Foon Meng serta isteri masing-masing hadir di majlis itu.

(END)